

**CONFIDENTIAL**

**SET B**



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR**  
**Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION**  
**JULY 2010 SESSION**

---

SUBJECT CODE : MPW 2113  
SUBJECT TITLE : BAHASA KEBANGSAAN  
LEVEL : BACHELOR  
TIME / DURATION : 9.00 am – 12.00 noon  
( 3 HOURS )  
DATE : 14 NOVEMBER 2010

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) question only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

THERE ARE 10 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

---

**BAHAGIAN A (Jumlah : 20 markah)****ARAHAH:** Jawab SEMUA soalan

Sila guna buku jawapan yang disediakan

1. Yang manakah perkataan-perkataan berikut betul ejaannya?  
I. Ibu bapa.  
II. Pamiran.  
III. Pelancung.  
IV. Gembleng.  
A. I dan II.  
B. I dan IV  
C. II dan III.  
D. II dan IV.
  
2. Semua perkataan berikut betul ejaannya **kecuali**  
A. pasaraya.  
B. logik.  
C. atur cara.  
D. setem.
  
3. Perkataan yang manakah diantara yang berikut ini salah penggunaan tanda sempangnya?  
I. 1970-an.  
II. Alat pandang-dengar.  
III. Ke23.  
IV. PadaMu.  
A. I dan II.  
B. II dan IV  
C. III dan IV  
D. Semua di atas
  
4. Aturcara majelis itu akan berlangsung dalam masa satu jam dari sekarang. Perkataan yang salah ejaannya dalam ayat di atas ialah  
I. berlangsung  
II. aturcara  
III. majelis  
IV. sekarang  
A. I dan II.  
B. I dan IV.  
C. II dan III.  
D. III dan IV.

5. Kes pembuangan bayi semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

Perkataan yang dicondongkan dalam ayat di atas ialah

- A. kata nama.
- B. kata kerja.
- C. kata tugas.
- D. kata adjektif.

6. "Saya tidak akan teragak-agak \_\_\_\_\_ menyaman awak."

Kata sendi nama yang sesuai untuk ayat di atas ialah

- |         |           |
|---------|-----------|
| A. bagi | C. kepada |
| B. akan | D. untuk  |

7. Ayat yang manakah berikut ini bukan merupakan ayat perintah.

- A. Dilarang meletakkan kenderaan di kawasan ini.
- B. Jemputlah makan.
- C. Siapkan semua tugas yang diberikan sebelum balik.
- D. Semoga awak dalam keadaan sihat.

8. Kesemua berikut ini merupakan ayat penyata **kecuali**

- A. Alia sangat suka menanam bunga.
- B. Pengorbanan seorang ibu tidak harus dilupakan.
- C. Hujan telah turun dengan lebatnya semalam.
- D. Tolong bersihkan halaman rumah itu.

9. Kesemua ayat berikut ini telah menerima kata pemerluri dengan salah **kecuali**

- A. "Adalah diberitahu bahawa mesyuarat PIBG tersebut akan ditangguhkan ke minggu depan."
- B. "Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa anak bulan Syawal tidak kelihatan."
- C. "Antara sebab utama pelajar melepak ialah pengaruh daripada rakan-rakan sebaya."
- D. "Pelajar-pelajar itu didenda kerana ialah tidak hadir ke sekolah selama tiga hari berturut-turut."

10. Ayat yang manakah berikut ini tidak menggunakan kata sendi nama yang tepat?
- Zaki rela berkorban demi untuk mempertahankan maruahnya sebagai seorang lelaki.
  - Buku ini dibeli dari Kedai Ah Chong.
  - Musang suka berkeliaran pada waktu malam.
  - Semoga kalian berbahagia hingga kepada anak cucu.
11. Kesemua ayat di bawah ini merupakan ayat yang tidak gramatis **kecuali**
- "Musa ialah jiran lama kami."
  - "Adalah dimaklumkan bahawa Shukri tidak memenangi sebarang tempat dalam pertandingan tersebut."
  - "Segala kenyataan yang dikeluarkannya itu hanyalah untuk kepentingan dirinya sendiri."
  - "Aku tidak akan berputus asa demi untuk mempertahankan tanah airku ini."
12. Antara perkataan berikut yang manakah tidak mengandungi diftong?
- I. Pulau.
  - II. Ketua:
  - III. Santai.
  - IV. Neon.
- I dan II.
  - II dan IV.
  - I dan III.
  - III dan IV.
13. Kesemua perkataan berikut merupakan kata majmuk mantap **kecuali**
- pasartani.
  - tanggungjawab.
  - jawatankuasa.
  - kakitangan.
14. "Saya membeli baju yang berwarna merah."
- Ayat di atas merupakan ayat pancangan
- relatif.
  - komplemen.
  - gabungan.
  - majmuk.

15. Antara berikut yang manakah padanan kata tugas yang salah?

	Fungsi Kata Tugas	Contoh-contoh
I	Kata penegas	Amat, sangat, paling
II	Kata pemerlui	Aduh, amboi, wah
III	Kata perintah	Harap, sila, tolong
IV	Kata bilangan	Masing-masing, beribu-ribu, beramai-ramai

- A. I dan II.
- B. III dan IV.
- C. I, II dan III.
- D. II, III dan IV.

16. Perkara yang ditekankan dalam gaya bahasa ucapan melibatkan

- I. cara penyampaian.
  - II. penggunaan bahasa.
  - III. intonasi bahasa.
  - IV. ketepatan penggunaan kata.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. II, III dan IV

17. Kesemua di bawah ini merupakan tujuan syarahan diberikan **kecuali**

- A. memberikan keyakinan tentang pendirian pendengar terhadap sesuatu perkara.
- B. memberitahu audien tentang sesuatu perkara baru seperti peristiwa atau hal ehwal semasa yang menarik.
- C. mempengaruhi audien supaya memberi perhatian yang serius terhadap sesuatu isu yang penting.
- D. memberi penerangan tentang sesuatu tajuk dan menjelaskan aspek-aspek penting tentang tajuk tersebut.

18. Berdasarkan pernyataan di bawah ini, yang manakah **tidak** benar tentang kelebihan temuramah?

- A. Dapat memperkuuhkan kemahiran berkomunikasi dan dapat bertukar-tukar pendapat
- B. Berpeluang berkenalan dengan orang lain
- C. Berpeluang menggunakan perkataan-perkataan sendiri dan bercakap dengan gaya yang tersendiri.
- D. Dapat memahami soalan, erti perkataan, maksud sesuatu pernyataan, maksud pertanyaan dan membuat kesimpulan dan keputusan.

19. Jenis ulasan yang perlu dilakukan secara spontan atau secara langsung ialah
- A. ulasan hakim. C. ulasan buku.  
B. ulasan filem. D. ulasan selari.
20. Aspek-aspek yang manakah berkaitan dengan tubuh karangan
- I. gagasan pusat.  
II. pengolahan.  
III. tautan.  
IV. penyusunan isi.
- A. I dan II. C. II, III dan IV.  
B. II dan IV. D. Semua di atas.

**BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan****Sila guna buku jawapan yang disediakan****Soalan 1.****Baca petikan berikut dengan teliti dan jawab SEMUA soalan.****Anda hendaklah menggunakan keupayaan berbahasa sendiri dalam menulis jawapan.**Agenda Tersirat Mengawal Laluan Selat Hormuz

PERISTIWA letupan yang berlaku terhadap kapal tangki minyak Jepun M Star di Selat Hormuz pada 28 Julai lepas walaupun memberi kesan kerosakan yang minimum tetapi begitu menghairankan kerana mendapat perhatian meluas daripada pelbagai pihak.

Selepas lebih dua minggu peristiwa tersebut berlaku, masih belum dapat dipastikan apakah punca sebenar yang mengakibatkan lekukan pada perut kapal tersebut yang pada ketika ini sedang dalam perjalanan ke destinasi asal iaitu pelabuhan Chiba di Jepun.

Terdapat beberapa andaian yang telah diutarakan untuk mencari punca sebenar berlaku lekukan tersebut. Ada pihak yang percaya ianya disebabkan oleh ombak besar akibat gempa bumi kecil berskala Richter 3.4 yang berpusat di Bandar Abbas, Iran. Terdapat juga andaian kapal M Star tersebut telah berlanggar dengan periuk api peninggalan dari era Perang Iran-Iraq yang ditinggalkan 20 tahun lepas.

Tetapi satu andaian yang mendapat liputan yang agak meluas adalah M Star telah diserang oleh kumpulan pengganas. Andaian tersebut mendapat kredibilitinya yang tersendiri apabila Brigades of Abdullah Azzam iaitu kumpulan yang dikaitkan dengan Al-Qaeda mengaku bertanggungjawab ke atas kejadian tersebut.

Kumpulan tersebut pernah beberapa kali sebelum ini mengaku bertanggung jawab ke atas beberapa serangan pengganas tetapi tidak pernah terbukti akan kesahihan pengakuan tersebut. Umpamanya serangan ke atas pusat peranginan Sharm el-Sheikh di Mesir pada tahun 2005, kumpulan tersebut mengaku merancang dan melaksanakan serangan yang mengakibatkan 67 nyawa terkorban.

Armada Kelima Tentera Laut Amerika Syarikat yang berpengkalan di Bahrain yang dipertanggung-jawabkan menjaga keselamatan Selat Hormuz oleh beberapa Negara Teluk dikatakan dalam keadaan berjaga-jaga dan tidak menolak kemungkinan M Star telah diserang oleh pengganas.

Menentukan punca sebenar adalah penting kerana Selat Hormuz adalah di antara laluan laut yang kritikal seperti mana laluan Selat Melaka atau pun Terusan Suez. Sebarang penutupan atau kekangan yang dikenakan ke atas laluan Selat Hormuz sudah pasti akan memberi implikasi yang besar bukan sahaja kepada Negara Teluk tetapi juga negara gergasi Asia seperti Jepun dan China.

Ini adalah kerana lebih dari 40 peratus minyak mentah yang diperdagangkan di pasaran antarabangsa melalui laluan Selat Hormuz dan bagi Jepun terutama sekali kerana lebih dari 80 peratus sumber minyak mentah mereka terpaksa melalui laluan tersebut. Sebab itu Jepun seboleh-bolehnya tidak mahu memperbesarkan isu M Star kerana tidak mahu laluan Selat Hormuz menjadi punca pertikaian di antara pihak yang mempunyai kepentingan terutama sekali AS dan Irân.

Negara yang bertanggungjawab secara langsung ke atas laluan Selat Hormuz sebenarnya mempunyai kelebihan kerana boleh menggunakan hak tersebut untuk kepentingan masing-masing. Iran dan Oman dikatakan mempunyai keistimewaan berbanding dengan Negara Teluk yang lain kerana bertanggungjawab ke atas bahagian laluan yang agak sempit dan kritikal.

Iran umpamanya telah menggunakan beberapa kali kelebihan tersebut dengan mengancam akan menutup laluan dalam kawalan mereka akibat perbalahan dengan pihak lain. Paling terbaru ancaman yang serupa disuarakan akibat sekatan terbaru yang dikenakan oleh AS dan Kesatuan Eropah akibat dari perbalahan pembangunan program nuklear Iran.

Telah beberapa kali terdapat ura-ura dari negara Teluk yang lain supaya Selat Hormuz diletakkan di bawah pengawasan antarabangsa tetapi cadangan tersebut telah ditolak oleh Iran dan Oman kerana kedua-dua negara tersebut berpendapat tanggungjawab keselamatan terletak kepada negara pesisir dan dibantu oleh negara yang mempunyai kepentingan.

Peristiwa yang sama berlaku ke atas Selat Melaka pada tahun 2004 apabila Pegawai Pemerintah Tentera Laut Amerika bagi kawasan Pasifik, Laksamana Thomas Fargo cuba memperkenalkan Inisiatif Keselamatan Maritim Serantau (RMSI) sebagai helah untuk

mengawal laluan tersebut. Seperti yang telah berlaku, negara pesisir iaitu Malaysia dan Indonesia telah menolak usul tersebut walaupun Singapura menyokong dan akhirnya RMSI gagal dilaksanakan di Selat Melaka.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah walaupun laluan Selat Hormuz adalah lebih mudah terdedah kepada serangan pengganas kerana mempunyai laluan yang sempit, tetapi hakikatnya adalah serangan pengganas jarang berlaku.

Memang benar adanya berlaku ketegangan di antara tentera laut Iran dan AS atau Britain di Selat Hormuz tetapi peristiwa tersebut tidak boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti keganasan. Serupa juga peristiwa serangan lanun di Selat Melaka tidak boleh dikelaskan sebagai serangan pengganas kerana agenda di sebalik serangan tersebut tidak memenuhi definisi keganasan.

Begitu ironis sekali jika punca kapal perang Korea Selatan Cheonan karam pada bulan Mac lepas dapat dipastikan dengan begitu pantas disebabkan oleh torpedo milik Korea Utara, maka timbul kemuskhilan mengapa punca kerosakkan M Star sehingga ke hari ini masih belum dapat dipastikan.

Jika diambil pengajaran RMSI Selat Melaka dan kelebihan yang ada pada Iran dalam mengawal Selat Hormuz, maka tidak menghairankan mengapa sesetengah pihak begitu bersungguh-sungguh mahu memperbesarkan isu M Star dan cuba mempertengahkan ia adalah peristiwa serangan pengganas. Adalah diharapkan negara Teluk yang lain tidak terjebak dan terperangkap dengan agenda pihak yang mahu mengawal Selat Hormuz.

Penulis ialah GeoStrategis Institut Teknologi dan Sains GeoSpatial (INSTECH), Universiti Teknologi Malaysia.

(Dipetik daripada *utusan Malaysia Online* Ogos 8 2010)

- (a) Pada pendapat anda, apa yang dimaksudkan oleh penulis dengan pernyataan "...andaian tersebut mendapat kredibilitinya yang tersendiri..?"?
- (b) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan beberapa andaian berlakunya letupan terhadap kapal minyak Jepun M Star di Selat Hormuz.

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah tiada sebarang tindakan dilakukan ke atas kumpulan Bridgades of Abdullah Azzam walaupun kumpulan itu mengaku bertanggungjawab dalam kejadian letupan kapal minyak Jepun M star?
  - (d) Pada fahaman anda, apakah kepentingan menentukan punca sebenar kejadian yang berlaku di Teluk Hormuz tersebut?
  - (e) Adakah anda bersetuju dengan Jepun untuk tidak memperbesarkan isu M Star ini?
- (10 markah)

**Soalan 2**

**Isikan ruang-ruang yang ditandakan \_\_\_\_\_ dengan kata sendi yang sesuai.**

- (a) Saya bersyukur dapat menjawab ujian Matematik itu \_\_\_\_\_ baik.
- (b) Meja itu diperbuat \_\_\_\_\_ kayu.
- (c) Dia sangat gembira kerana dapat pulang \_\_\_\_\_ pangkuhan kelurganya semula.
- (d) Kereta yang digunakan oleh abang itu dihadiahkan \_\_\_\_\_ ayah.
- (e) Bunyi burung hantu \_\_\_\_\_ waktu malam agak menyeramkan.

(5 markah)

**Soalan 3**

**Isikan ruang yang ditandakan \_\_\_\_\_ dengan kata hubung yang sesuai.**

- (a) Saya berharap \_\_\_\_\_ kamu dapat menghubungi dia segera.
- (b) Awak boleh menaiki bas \_\_\_\_\_ teksi untuk pergi ke sana.
- (c) Semua orang hadir ke mesyuarat itu \_\_\_\_\_ En. Ahmad.
- (d) Saya berkawan dengannya \_\_\_\_\_ kecil lagi.
- (e) Abang berbual dengan kawannya \_\_\_\_\_ larut malam.

(5 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah : 40 markah)****ARAHAN :** Jawab SATU soalan.

Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.

Tuliskan sebuah karangan mengenai satu topic berikut. Panjangnya karangan berkenaan hendaklah tidak kurang daripada 400 patah perkataan.

1. Malaysia bercita-cita menjadi hub halal serantau. Mampukah Malaysia memenuhi impian ini? Bincangkan. (40 markah)
2. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar. Huraikan mengenai langkah-langkah berkenaan. (40 markah)
3. " Sungguh tidak kusangka dia sanggup berkorban semua itu untuk aku." (40 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**